

**Abdullah Puji Kepimpinan Najib  
Bernama  
25 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi hari ini memuji kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak dan pelaksanaan pelbagai program transformasi bagi membawa Malaysia ke mercu kejayaan yang lebih tinggi.

Beliau berkata pelbagai program transformasi seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Politik yang diusahakan adalah bukti komitmen Perdana Menteri bagi membangunkan negara.

"Najib komited dan bekerja keras. Rakyat telah melihat dan mendengar pembaharuan dan dasar transformasinya untuk negara yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini adalah amat baik," katanya kepada pemberita pada majlis Rumah Terbuka beliau di Dewan Sri Endon, Presint 10 di sini, hari Sabtu.

Abdullah diiringi isterinya, Tun Jeanne Abdullah. Turut hadir pada majlis itu ialah Najib, Timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Seri Noorainee Abdul Rahman, dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Bagaimanapun, Abdullah berkata interpretasi rakyat dan "apa yang ada dalam dalam hati mereka" adalah sesuatu yang tidak dapat diramalkan dalam politik dan pilihan raya dan oleh itu Najib perlu meneruskan usahanya dan berkhidmat kepada mereka dengan penuh dedikasi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689833>